



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGGUNAAN KATA PANGGILAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ORANG ASLI CHE WONG***

NORAJIHAH BINTI MUDA

FBMK 2022 7



**PENGGUNAAN KATA PANGGILAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ORANG ASLI CHE WONG**

Oleh

NORAJIHAH BINTI MUDA

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

PENGGUNAAN KATA PANGGILAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI CHE WONG

Oleh

NORAJIHAH BINTI MUDA

Ogos 2021

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kata panggilan merupakan perkataan atau frasa yang digunakan untuk merujuk nama seseorang secara langsung sama ada secara lisan atau tulisan. Masyarakat orang asli Che Wong di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang mempunyai sistem kata panggilan natif yang unik dan berbeza dengan suku bangsa lain, namun penggunaannya semakin dipinggirkan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, objektif kajian ini ialah pertama, untuk mengenal pasti kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong, kedua, menganalisis pola penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong dan ketiga, merumuskan perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang Asli Che Wong sebagai sebahagian daripada lambang jati diri. Kajian etnografi ini dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual melibatkan 60 informan kajian. Data kajian dianalisis menggunakan lima komponen dalam Model Etnografi komunikasi Saville-Troike (2003) dan Teori Pergeseran Bahasa (1984).Dapatan kajian mendapati bahawa masyarakat orang asli Che Wong mempunyai sistem kata panggilan tersendiri dalam bahasa Che Wong, namun penggunaannya semakin terpinggir, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Masyarakat orang asli Che Wong mempunyai kata panggilan tertentu dalam pelbagai aspek hubungan dalam masyarakat. Contohnya masyarakat orang asli Che Wong menggunakan kata panggilan ‘moi’ untuk rujukan ibu (45/75%), dan kata panggilan ‘bam’ untuk rujukan ayah (35/58%). Pola penggunaan kata panggilan seperti ‘aku’ dan ‘kau’ lebih kerap digunakan tanpa menimbulkan kesan biadap untuk membahaskan diri masing-masing.Terdapat lima faktor yang mempengaruhi perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong. Faktor bilingualisme melibatkan penguasaan dua atau lebih bahasa dalam kalangan masyarakat. Faktor migrasi dan urbanisasi berkait rapat dengan faktor perlancongan di kawasan penempatan masyarakat orang asli Che Wong. Faktor peralihan generasi memperlihatkan generasi muda lebih dominan menggunakan bahasa Melayu yang lebih bersifat moden. Faktor industrialisasi pula dikaitkan dengan faktor pekerjaan bagi meningkatkan ekonomi keluarga dan masyarakat. Faktor bahasa yang lebih berprestij mendorong penggunaan bahasa Melayu lebih dominan dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong merupakan sebahagian daripada lambang jati diri mereka.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

THE USE OF FORM OF GREETING AMONG ORANG ASLI CHE WONG COMMUNITIES

By

NORAJIHAH BINTI MUDA

August 2021

Chairman : Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Form of greeting is a word or phrase used to refer to a person's name directly either orally or in writing. Che Wong aboriginal community in Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang also have a unique native system of greeting that is different from other tribes, yet the use of greeting system is increasingly marginalized especially among the younger generation. The objective of this study is first, to identify form of greeting in the orang asli Che Wong community. Second, to analyze the forms of greeting pattern use by orang asli Che Wong community and third, summarizing the changes in the form of greeting among the orang asli Che Wong as part of identity symbol. This ethnographic study was conducted using observation and interview methods included of 60 informants. Data were analyzed using five components in the Saville-Troike (2003) Communication Ethnographic Model and Language Shift Theory (1984). The findings found that the Che Wong indigenous community has its own system of greeting pattern in the native language, but its use is seen to be increasingly marginalized among the community, especially among the younger generation. This community has their own system of greeting pattern among the community for example, the greeting 'moi' for maternal reference (45/75%), and the of greeting 'bam' for paternal reference (35/58%). The greeting pattern such as 'I' and 'You' are more often used without creating a rude effect to describe themselves. There are five factors that influence the change of greeting pattern among the indigenous community Che Wong. The bilingualism factor occurs because of the community speaks two or more languages. Migration and urbanization factors are related to tourism factors in their settlement area. The generational transition factor shows that the younger generation is more dominant in using the Malay language which is more modern. Factors of industrialization are associated with economic factors to improve the economy of the family and society. More prestigious language factor that caused of Malay language is given priority among the community. In conclusion, the use of greeting pattern among the Che Wong indigenous community is part of their identity.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas kudrat dan kemudahan jalan yang diberikan. Terima kasih Tuhan atas segala nikmat dan rahmat yang Kau berikan. Doaku agar Kau memudahkan urusanku dan limpahkan rezeki yang berkat buatku, lalu Kau makbulkan segala doaku. Kau memudahkan urusanku dengan segala macam pintu keberkatan buatku. Kau limpahkan rezekiku dengan kehadiran insan-insan baik di sekelilingku. Alhamdulillah.

Terima kasih buat barisan ahli jawatankuasa penyeliaan tesis. Terima kasih buat Pengerusi Jawatankuasa Penyelia, Prof Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang terus memberi tunjuk ajar dan bimbingan. Selalu sabar memberi tunjuk ajar. Sentiasa tegar membantuku untuk mewujudkan impian. Akanku kenang sampai nafas terakhirku. Terima kasih juga buat ahli jawatankuasa, Prof Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz dan Datin Dr. Hasnah Mohamad yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan sepanjang pengajian. Terima kasih atas bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan semangat dari awal hingga akhir. Semoga Tuhan membalas jasa baik kalian.

Penghargaan turut diberikan kepada penduduk Kampung Orang Asli Kampung Sungai Enggang, Kuala Gandah Pahang yang memberikan kerjasama sepanjang proses pengumpulan data dilakukan. Terima kasih kepada batin Orang Asli Che Wong, Tok Batin Geng A/L Nai yang memberikan kebenaran dan kerjasama ketika menjalankan kajian mengenai masyarakat Orang Asli Che Wong. Penghargaan juga diberikan kepada Cikgu Fauziah yang banyak membantu dan menjadi orang tengah sepanjang kajian di Kampung Orang Asli Che Wong.

Terima kasih buat ibu, Aminah Mohd Zin yang sentiasa ada di sepanjang jalan perjuangan ini. Perjalanan ini tidak mudah, tapi keberkatan doamu tanpa hijab sentiasa membuka jalan. Terima kasih selalu ada dan selalu penuh pengertian. Buat arwah ayah, Muda Said hanya doa mampu aku titipkan. Terima kasih atas segala nasihat. Doa dan impianmu akanku genggam sampai akhir. Titipkan aku semangat kebaikanmu ayah. Buat adik beradik, Noor Hainani dan Mohd Hatmi, kata-kata semangat kalian penguat jalan perjuangan panjang ini. Kalian sentiasa memberi sokongan. Terima kasih saudara darah daging dunia akhiratku.

Terima kasih buat semua teman yang menjadi peneman dalam perjalanan ini. Kalian penguat semangat di kala semangat makin hilang sendirian di tengah kota. Terima kasih sentiasa ada dan penuh pengertian. Terima kasih semua.

Buat semua, Tuhan tahu kita kuat, maka itu perjalanan ini tidak mudah. Berbuat baiklah agar sentiasa ada kebaikan di sekelilingmu.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hasnah Binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 Februari 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor(Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan(dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norajihah Binti Muda (GS46506)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr.Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Datin Dr.Hasnah Binti Mohamad

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Masyarakat Orang Asli Di Malaysia	4
1.2.1 Penggunaan Kata Panggilan dalam Masyarakat Orang Asli Che Wong	5
1.3 Kajian Etnografi	6
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Definisi Operasional	13
1.9.1 Sistem Kata Kata Panggilan	13
1.9.2 Masyarakat Orang Asli Che Wong	13
1.10 Kesimpulan	15
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Kajian Kata Panggilan	17
2.3 Kajian Kata Panggilan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli	24
2.4 Kajian Etnografi Komunikasi	28
2.5 Perkaitan antara Kajian dengan Kajian Lepas	31
2.6 Kesimpulan	33
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Konsep dan Kerangka Teori	36
3.3.1 Model Etnografi Komunikasi Savillie- Troike	36
3.3.2 Teori Pergeseran Bahasa	37
3.4 Kaedah Kajian	40
3.4.1 Kaedah Perpustakaan	40
3.4.2 Kajian Etnografi	40

	3.4.2.1	Temu bual	41
	3.4.2.2	Pemerhatian	43
	3.4.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian Etnografi	47
3.5		Instrumen Kajian	47
	3.5.1	Soalan Temu Bual	47
	3.5.2	Lafaz	48
	3.5.3	Alat Rakaman	48
	3.5.4	Catatan Pemerhatian	48
3.6		Lokasi Kajian	49
3.7		Populasi dan Persampelan	50
3.8		Tatacara Kajian	51
	3.8.1	Kajian Rintis	51
	3.8.2	Kajian Sebenar	51
3.9		Penganalisan Data	52
3.10		Pertimbangan Etika	52
3.11		Kerangka Konseptual Kajian	53
3.12		Kesimpulan	55
4		KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
	4.1	Pendahuluan	56
	4.2	Sistem Kata Panggilan dalam Masyarakat Orang Asli Che Wong	56
	4.2.1	Kata Panggilan dalam Keluarga Asas	56
	4.2.2	Kata Panggilan dalam Keluarga Besar	66
	4.2.3	Kata Panggilan Pertalian Perkahwinan	76
	4.2.4	Kata Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	81
	4.2.5	Kata Panggilan Warisan	84
	4.2.6	Kata Panggilan Ikhtisas	85
	4.2.7	Kata Panggilan Bentuk Formal	87
	4.2.8	Kata Panggilan Bentuk Kata Ganti Nama	88
	4.3	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Masyarakat Orang Asli Che Wong	90
	4.3.1	Pola Penggunaan Kata Panggilan Keluarga Asas	90
	4.3.2	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Keluarga Besar	96
	4.3.3	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Pertalian Perkahwinan	102
	4.3.4	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	110
	4.3.5	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Hubungan Panggilan Warisan	112
	4.3.6	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Hubungan Panggilan Ikhtisas	114
	4.3.7	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Bentuk Formal	117
	4.3.8	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Bentuk Kata Ganti Nama	119

4.4	Perubahan Penggunaan Kata Panggilan Masyarakat Orang Asli Che Wong Sebagai Sebahagian Daripada Lambang Jati Diri	131
4.4.1	Bilingualisme Masyarakat	131
4.4.2	Migrasi dan Urbanisasi	135
4.4.3	Peralihan Generasi	137
4.4.4	Faktor Industrialisasi	140
4.4.5	Bahasa Asing yang Lebih Berprestij	140
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	146
4.6	Implikasi Dapatan Kajian	147
4.7	Kesimpulan	148
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan	149
5.3	Cadangan Kajian	151
5.4	Penutup	153
	BIBLIOGRAFI	155
	LAMPIRAN	170
	BIODATA PELAJAR	200
	SENARAI PENERBITAN	201

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Pola Penggunaan Kata Panggilan Masyarakat Orang Asli Che Wong Berdasarkan Komponen Komunikasi Etnografi Saville-Troike (2003)	12
2	Langkah Pengumpulan Data	46
3	Kata Panggilan dalam Keluarga Asas Orang Asli Che Wong	58
4	Kata Panggilan Mengikut Kedudukan Kelahiran	61
5	Kata Panggilan Mengikut Jantina dalam Adik Beradik	63
6	Kata Panggilan dalam Keluarga Besar	66
7	Kata Panggilan Pertalian Perkahwinan	76
8	Kata Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	82
9	Kata Panggilan Warisan	84
10	Kata Panggilan Ikhtisas	85
11	Kata Panggilan Bentuk Formal	88
12	Kata Panggilan Bentuk Kata Ganti Nama	89
14	Perubahan Kata Panggilan Masyarakat Che Wong	133
15	Perubahan Kata Panggilan	138
16	Perubahan Penggunaan Kata Panggilan Berdasarkan Faktor Pergeseran Bahasa	145

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Pecahan Masyarakat Orang Asli di Malaysia	4
2	Peta Lokasi Kajian	49
3	Kerangka Konsepsi Kajian	54
4	Kata Panggilan Ibu Masyarakat Orang Asli Che Wong	59
5	Kata Panggilan Ayah Masyarakat Orang Asli Che Wong	60
6	Kata Panggilan Mengikut Kedudukan Kelahiran	62
7	Kata Panggilan Kakak Masyarakat Orang Asli Che Wong	64
8	Kata Panggilan Abang Masyarakat Orang Asli Che Wong	64
9	Kata Panggilan Adik Masyarakat Orang Asli Che Wong	65
10	Kata Panggilan Datuk Masyarakat Orang Asli Che Wong	69
11	Kata Panggilan Nenek Masyarakat Orang Asli Che Wong	70
12	Kata Panggilan Bapa Saudara Masyarakat Orang Asli Che Wong	71
13	Kata Panggilan Ibu Saudara Masyarakat Orang Asli Che Wong	72
14	Kata Panggilan Anak Saudara	73
15	Kata Panggilan Sepupu	74
16	Kata Panggilan Moyang	75
17	Kata Panggilan suami	78
18	Kata Panggilan Isteri	78
19	Kata Panggilan Bapa Mentua	79
20	Kata Panggilan Ibu Mentua	79
21	Kata Panggilan Menantu	80
22	Kata Panggilan Ipar dan Biras	81

23	Kata Panggilan Bagi Lelaki Yang Lebih Tua	82
24	Kata Panggilan Bagi Perempuan Yang Lebih Tua	83
25	Kata Panggilan Hubungan Kejiranan Sama Umur	84
26	Kata Panggilan Warisan	85
27	Kata Panggilan Ikhtisas cikgu	86
28	Kata Panggilan Ikhtisas Ustazah	87
29	Kata Panggilan Bentuk Formal	88
30	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Keluarga Asas	91
31	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Keluarga Besar	96
32	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Hubungan Perkahwinan	103
33	Pola Penggunaan Kata Panggilan dalam Hubungan Kejiranan	110
34	Kata Ganti Nama Diri Bahasa Che Wong	120
35	Penggunaan Kata Panggilan Berdasarkan Konteks dalam Pendekatan Etnografi Komunikasi Savigliano-Troike (2003)	130

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BCW	Bahasa Che Wong
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Surat kebenaran kajian oleh JHEOA	170
B	Soalan Temu Bual	172
C	Kata Panggilan Masyarakat Orang Asli Che Wong	183
D	Senarai Nama Informan Masyarakat Orang Asli Che Wong	197



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat dan bahasa tidak akan dapat dipisahkan kerana bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk berhubung antara satu sama lain. Tanpa bahasa, sesebuah masyarakat akan mengalami kesukaran untuk berhubung. Bahasa mempunyai unsur-unsur yang merangkumi kata, frasa, ayat, dan wacana. Bahasa juga merupakan unsur budaya yang penting bagi melangsungkan komunikasi antara manusia. Melalui bahasa juga, ia dapat menggambarkan cerminan pemikiran, sikap peradaban dan kebudayaan sebuah bangsa. Sejajar dengan itu, bahasa menjadi alat untuk menyampaikan segala khazanah budaya daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Bahasa memainkan peranan yang penting dalam melakar sesebuah masyarakat dan menonjolkan jati diri sesebuah bangsa. Selain itu, Zulkifley Ahmad (2007) menyatakan bahawa sebuah masyarakat bahasa akan menggunakan bahasa sebagai salah satu alat untuk menyampai dan memperoleh sesuatu maklumat secara bersama. Dengan kata lain ahli dalam komuniti masyarakat tidak dapat menjalankan aktiviti kehidupan tanpa penggunaan bahasa tertentu untuk berkomunikasi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa merupakan alat yang penting dan perlu digunakan untuk berinteraksi sesama manusia sama ada interaksi secara lisan atau tulisan.

Proses komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat melibatkan penggunaan bentuk kata panggilan atau kata sapaan. Bahasa dapat dianggap sebagai akal budi dan gambaran pemikiran yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, komunikasi antara manusia dalam masyarakat bukan sahaja melibatkan penggunaan bahasa yang tertentu, malah penggunaan kata panggilan merupakan salah satu aspek yang signifikan untuk memperlihatkan situasi kedudukan individu dalam kalangan masyarakat. Kata panggilan merupakan kata yang digunakan untuk merujuk seseorang yang lain. Ia merupakan perkataan atau frasa yang digunakan oleh seseorang untuk merujuk dan memberikan nama kepada seseorang yang lain secara langsung. Amat Juhari Moin (1987), berpendapat bahawa kata panggilan adalah perkataan yang digunakan oleh seseorang untuk merujuk individu yang lain semasa berkomunikasi sama ada digunakan dalam komunikasi lisan dan tulisan. Penggunaan sistem kata panggilan dalam sesebuah masyarakat dapat menggambarkan kedudukan dan status individu tersebut. Dengan kata lain, penggunaan kata panggilan yang sesuai dapat melihat dan menilai situasi jarak sosial dalam masyarakat atau antara individu sama ada hubungan tersebut rapat atau sebaliknya, (Amat Juhari Moin,1987). Hal ini berlaku apabila manusia berkomunikasi atau bertutur sesama mereka, kata panggilan merupakan salah satu bentuk kata yang menentukan jenis perhubungan di antara satu sama lain. Tambahan pula penggunaan bentuk panggilan atau sapaan yang sesuai merupakan salah satu cara yang signifikan untuk memperlihatkan situasi jarak sosial, sama ada rapat atau pun sebaliknya, (Muna Afifah Mohd Zulkepli, Jama'yah Zakaria dan Nor Azuwan Yaakob, 2015). Oleh itu, kata panggilan boleh dikatakan sebagai bentuk bahasa secara halus yang dapat menilai status

kedudukan seseorang dalam sesebuah masyarakat. Bahasa dapat dianggap sebagai akal budi dan gambaran pemikiran yang terdapat dalam sesebuah masyarakat.

Fasold (1996), pula berpendapat kata panggilan merupakan perkataan yang digunakan oleh individu untuk menyapa individu yang lain dalam komunikasi sesama mereka. Di samping itu, kata panggilan turut merangkumi panggilan nama dan panggilan kata ganti nama. Kebanyakan bahasa di dunia mempunyai dua jenis kata panggilan yang merangkumi kata panggilan nama dan kata panggilan kata ganti nama. Kata panggilan adalah cara yang sesuai untuk melihat dan menilai situasi jarak sosial dalam masyarakat atau antara individu sama ada hubungan tersebut rapat atau sebaliknya, (Amat Juhari Moin, 1987).

Grayson (1997), berpendapat bahawa semua masyarakat di dunia mempunyai pelbagai bentuk dan variasi kata panggilan tertentu. Hal ini disebabkan oleh kepelbagaian peraturan hidup dalam masyarakat merangkumi adat resam, moral dan syarat-syarat tertentu dalam komunikasi yang dipelajari dalam masyarakat masing-masing. Hal ini turut dinyatakan oleh Harimurti Kridalaksana (1982), bahawa setiap bahasa di dunia seharusnya mempunyai sistem kata panggilan dan kata panggilan yang bertindak sebagai satu sistem untuk menghubungkan kata atau ungkapan yang digunakan ketika memanggil individu lain dalam komunikasi. Kartomihardjo (1988), pula mengatakan bahawa kata panggilan merupakan aspek bahasa yang penting dalam komunikasi kerana penggunaan kata panggilan yang sesuai itu dapat menentukan kelangsungan sebuah komunikasi. Menurut Kartomihardjo (1988) lagi, semua masyarakat di dunia mempunyai peraturan yang merangkumi adat, norma dan nilai yang telah dipersetujui secara bersama dalam kalangan masyarakat. Peraturan ini secara tidak langsung berkait rapat dengan penggunaan sistem kata panggilan dalam sesebuah masyarakat. Menurut Aini (2010), kata panggilan umumnya merupakan sebutan nama, sapaan dan gelaran bagi seseorang individu yang berhubung kait dengan cara memanggil mengikut nama gelaran yang tertentu.

Endang Susilawati (2016), berpendapat bahawa penggunaan sesuatu kata panggilan berlangsung dalam konteks peristiwa komunikasi. Fungsi penggunaan kata panggilan dalam peristiwa komunikasi adalah sebagai penanda kepada kedudukan seseorang individu, lambang status seseorang individu dan bentuk hubungan dua hala antara orang yang dipanggil dan orang yang memanggil. Menurut Endang Susilawati (2016) lagi, penggunaan kata panggilan adalah tidak statik. Penggunaan kata panggilan boleh berubah-ubah mengikut konteks, tempat, waktu, tujuan dan individu yang terlibat dalam peristiwa komunikasi yang berlaku.

Di samping itu, setiap masyarakat bahasa di dunia mempunyai sistem kata panggilan tertentu mengikut norma dan nilai yang dipersetujui secara bersama dalam kalangan masyarakat. Penggunaan kata panggilan merupakan keperluan dalam sesebuah proses komunikasi. Hal ini demikian kerana apabila manusia dalam sesebuah masyarakat bertutur antara satu sama lain, mereka harus memahami maksud fikiran masing-masing. Menurut Muna Afifah Mohd Zulkifli, Jama'yah Zakaria dan Nor Azuwan Yaakob (2015), proses interaksi yang berlaku antara individu bukan sahaja merangkumi pemahaman fikiran antara satu sama lain, bahkan merangkumi penggunaan bahasa

secara halus bagi menentukan hubungan yang merangkumi status dan sosial antara individu dalam komunikasi.

Kata panggilan yang digunakan oleh anggota masyarakat akan menggambarkan status sosial dalam masyarakat tersebut. Selain itu, penggunaan kata panggilan tertentu dalam masyarakat juga memberikan impak nilai kesopanan antara satu sama lain. Penggunaan kata panggilan yang betul, pengaplikasian kata sapaan yang betul dan sesuai akan memberi kesan komunikasi yang sopan, (Sara Beden, 2019). Hal ini demikian kerana sistem penggunaan kata panggilan ditentukan oleh amalan hidup masyarakat itu berdasarkan nilai dan budaya yang dipersetujui secara bersama oleh ahli masyarakat kerana setiap masyarakat mempunyai nilai dan norma yang berbeza-beza mengikut adat kebudayaan masing-masing.

Menurut Sa'adiah Ma'alip (2000), salah satu cara untuk berkomunikasi dengan sopan adalah dengan menggunakan kata panggilan yang sesuai iaitu penggunaan kata panggilan yang merangkumi aspek kesantunan dalam masyarakat dan setiap masyarakat mempunyai peraturan dan nilai sosial yang tertentu untuk memelihara aspek kesantunan dalam komunikasi masing-masing.


Proses komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat merangkumi penggunaan kata panggilan hormat tertentu yang bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat kepada individu yang disapa. Kata panggilan boleh terdiri daripada beberapa bentuk bergantung kepada masyarakat tersebut. Sa'adiah Ma'alip (2000), berpendapat bahawa bentuk kata panggilan terdiri daripada beberapa kategori. Kategori ini merangkumi kata panggilan, kata panggilan kekeluargaan dan kata panggilan bentuk kata ganti nama diri (KGND). Kata panggilan merupakan pedoman yang digunakan kepada individu berdasarkan jantina dan status sosialnya dalam masyarakat. Kata panggilan kekeluargaan pula merujuk kepada bentuk kata panggilan yang digunakan untuk menggantikan kata nama dalam kalangan masyarakat yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Panggilan Kata Ganti Nama Diri (KGND) ini sebagai rujukan kepada kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang yang dirujuk.

Menurut Azlina (1975), penggunaan kata panggilan dan kata panggilan bentuk kata ganti nama juga dapat mencerminkan struktur sosial dalam masyarakat dan ianya juga berkait rapat dengan latar belakang budaya masyarakat kerana penggunaan bahasa adalah sebahagian daripada kebudayaan. Hashim Ahmad (2016) turut menegaskan bahawa bahasa yang diucapkan oleh seseorang itu menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa merupakan warisan bangsa. Sementelahan, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan bahasa. Kelompok bahasa dalam masyarakat di Malaysia terbahagi kepada beberapa kategori iaitu bahasa suku kaum, bahasa daerah dan bahasa kebangsaan. Salah satu daripada pelbagai bahasa yang terdapat dalam masyarakat berbilang bangsa ini ialah bahasa masyarakat minoriti orang asli. Seperti masyarakat bahasa dunia yang lain, masyarakat minoriti orang asli di Malaysia juga mempunyai sistem kata panggilan yang digunakan dalam kalangan masyarakat. Orang asli merupakan masyarakat minoriti yanghanya terdapat di semenanjung Malaysia. Masyarakat orang asli dikategorikan sebagai masyarakat yang minoriti kerana jumlah

mereka yang sedikit berbanding masyarakat Melayu, Cina, India yang terdapat di Malaysia.

1.2 Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Masyarakat orang asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto, manakala setiap kumpulan besar ini mempunyai enam suku yang berbeza dan menjadikan 18 suku kesemuanya di Malaysia. Peruntukan dalam Akta Orang Asli 1954 menunjukkan bahawa istilah orang asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Tanah Melayu, manakala kaum-kaum asal yang lain di Sabah dan Sarawak serta orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera. Pecahan suku kaum orang asli di Semenanjung Malaysia dapat dilihat seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1: Pecahan Masyarakat Orang Asli di Malaysia
(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli 2021)

Berdasarkan Rajah 1, masyarakat orang asli daripada kelompok Negrito iaitu suku Kintak, Kensiu, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh tinggal di kawasan di negeri Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, dan juga terdapat di kawasan di Selatan Thailand. Kelompok Senoi yang terdiri daripada suku Temiar, Semai, Che Wong, Jahut, Semoq Beri dan Mahmeri kebanyakannya tinggal di kawasan di negeri Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Manakala kelompok Melayu Proto pula terdiri daripada suku Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Seletar dan Kuala boleh dijumpai di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang.

Masyarakat orang asli Che Wong tergolong dalam kelompok orang asli Senoi dan tinggal di daerah dalam negeri Pahang. Penempatan utama masyarakat ini adalah terletak di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah, Pahang. Seperti masyarakat bahasa lain juga, masyarakat orang asli Che Wong mempunyai sistem kata panggilan tertentu yang digunakan dalam kalangan masyarakatnya. Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019), mendapati terdapat kepelbagaian bentuk kata panggilan terutamanya dalam aspek kata panggilan kekeluargaan yang digunakan oleh masyarakat orang asli Che Wong ketika mereka berkomunikasi. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan kata panggilan kekeluargaan untuk golongan ibu, bapa, datuk dan nenek berbanding bentuk kata panggilan yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Menurut Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019), kata panggilan kekeluargaan dalam masyarakat orang asli Che Wong masih kekal menggunakan kata panggilan dalam bahasa Che Wong, namun masyarakat orang asli Che Wong juga fasih menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi.

Sistem bahasa dalam kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong berbeza dengan sistem kata panggilan masyarakat Melayu mahupun sistem kata panggilan masyarakat orang asli yang lain. Perbezaan ini berlaku kerana bahasa dan dialek yang digunakan adalah berbeza. Namun terdapat juga persamaan yang digunakan dalam sistem kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong dengan bahasa Melayu kerana faktor pengaruh bahasa Melayu yang lebih dominan. Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019), menyatakan bahawa selain mengekalkan bentuk-bentuk kata panggilan tradisional dalam bahasa Che Wong, masyarakat orang asli ini turut menggunakan kata panggilan yang digunakan oleh masyarakat Melayu, terutamanya golongan muda yang telah mula mengubah bentuk kata panggilan dalam bahasa tradisional kepada bentuk kata panggilan yang baru seperti yang digunakan oleh masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa tertentu dalam sistem kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong tetap menggambarkan kedudukan dan status sosial masyarakat mereka. Penggunaan sistem kata panggilan juga menggambarkan keunikan budaya yang terdapat dalam masyarakat orang asli Che Wong.

1.2.1 Penggunaan Kata Panggilan dalam Masyarakat Orang Asli Che Wong

Penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong lebih tertumpu kepada penggunaan nama dan penggunaan kata ganti nama diri berbanding penggunaan kata panggilan yang khusus. Walau bagaimanapun penggunaan kata panggilan masih lagi digunakan dalam situasi tertentu. Kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong bukan sahaja menggambarkan keunikan bahasa minoriti mereka, malah mewakili keunikan budaya kemasyarakatan mereka. Tegasnya masyarakat orang asli Che Wong ini mempunyai nilai dan norma yang tersendiri dalam menjalani kehidupan berkomunikasi sesama mereka. Nilai dan norma ini menggambarkan nilai kesopanan dalam kehidupan bermasyarakat dalam kalangan mereka.

Selain menggambarkan status kedudukan seseorang dalam masyarakat, penggunaan sistem kata panggilan tertentu juga menggambarkan budaya masyarakat orang asli Che Wong. Seajar dengan itu pengkaji menggunakan pendekatan etnografi untuk mengkaji

penggunaan sistem kata panggilan yang menggambarkan budaya dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong.

1.3 Kajian Etnografi

Etnografi adalah kajian kualitatif tentang budaya secara sistematik, termasuk asas budaya kemahiran linguistik dan konteks komunikatif (Ochs & Schieffelin, 1995). Dengan kata lain, kaedah etnografi merupakan pendekatan penyelidikan kualitatif untuk mengamati sekumpulan orang dalam lingkungan budaya mereka dengan tujuan untuk menghasilkan kisah naratif budaya tertentu, dengan beralaskan latar belakang teori. Hal ini demikian kerana perkembangan bahasa, tindakan komunikasi, dan proses pemikiran bersama dipengaruhi oleh dunia budaya hidup masyarakat itu, (Centeno, 2007). Tambahan pula bahasa dan budaya merupakan elemen penting dalam kesinambungan tamadun sesebuah masyarakat. Tanpa bahasa, budaya tidak dapat digambarkan dengan lebih indah dan tepat, malah tanpa bahasa juga budaya tidak dapat disampaikan warisannya kepada generasi seterusnya. Tegasnya, penyelidikan etnografi memfokus pada penerangan bahasa dan corak tingkah laku serta norma dan kepercayaan budaya dari perspektif anggota masyarakatnya (Hymes, 1972a; 1974).

Oleh yang demikian, penerapan kaedah etnografi dan sosiolinguistik dalam tesis ini dapat menunjukkan hubungan utama yang tidak dapat dipisahkan antara budaya, bahasa, dan komunikasi. Hal ini demikian kerana perkembangan bahasa, tindakan komunikasi, dan proses pemikiran bersama dipengaruhi oleh dunia budaya hidup seseorang. Oleh itu, analisis etnografi dan sosiolinguistik dapat memperluas pemahaman seseorang tentang profil bahasa dan sejarah komunikasi seseorang, (José G. Centeno, et.al, 2007).

1.4 Pernyataan Masalah

Penggunaan kata panggilan dalam masyarakat dapat menjelaskan sistem sosial dalam sesebuah masyarakat kerana melalui setiap masyarakat bahasa di dunia mempunyai sistem kata panggilan tertentu yang digunakan secara bersama dalam kalangan masyarakatnya.

Dengan memfokuskan kata panggilan dalam domain kekeluargaan, Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019) mendapati masyarakat orang asli Che Wong mempunyai pelbagai bentuk kata panggilan yang digunakan ketika berkomunikasi untuk tujuan menyapa atau memanggil anggota keluarga. Penggunaan kata panggilan dalam domain kekeluargaan yang digunakan oleh masyarakat orang asli Che Wong ini didapati merangkumi penggunaan bentuk-bentuk panggilan yang digunakan oleh masyarakat Melayu setempat, selain pengekalan penggunaan kata panggilan dalam domain kekeluargaan tradisional masyarakat Che Wong, (Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong, 2019). Walau bagaimanapun, Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019) lebih memfokuskan kepada kajian kata panggilan kekeluargaan sahaja tanpa menyentuh penggunaan kata panggilan dan pola penggunaan kata panggilan dalam kalangan

masyarakat orang asli Che Wong secara keseluruhan. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan bentuk kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong dengan melibatkan pelbagai domain bagi memperlihatkan pola penggunaan bentuk kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong secara keseluruhan.

Selain itu, golongan muda masyarakat orang asli Che Wong didapati telah mula mengubah bentuk kata panggilan tradisional dalam keluarga kepada bentuk kata panggilan yang baru seperti yang digunakan oleh masyarakat setempat. Malahan terdapat dalam kalangan generasi muda masyarakat orang asli Che Wong yang telah mula mengubah bentuk-bentuk kata panggilan tradisional kepada bentuk baru seperti yang digunakan oleh masyarakat setempat. (Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong, 2019), Dengan mempelbagaikan variasi penggunaan kata panggilan terutama dalam aspek kekeluargaan mampu mempengaruhi penggunaan kata panggilan dalam aspek sosial yang lain. Hal ini akan menyebabkan terdapat aspek kata panggilan yang tidak digunakan dan digantikan dengan penggunaan kata panggilan yang lain. Pendek kata, penggunaan kata panggilan dalam bentuk tradisional hanya akan menjadi bahasa untuk golongan tua dan dewasa sahaja, sedangkan setiap masyarakat mempunyai nilai dan aturan sosial yang tersendiri dalam bentuk kata panggilan kekeluargaan dan sistem panggilan merupakan satu sistem yang digunakan bagi menunjukkan rujukan terhadap diri seseorang dalam sesuatu hubungan sosial masyarakat. Oleh itu generasi muda harus mengekalkan penggunaan kata panggilan tradisi, (Kalthum Ibrahim & Sabariah Mohd Ghani, 2016). Bertitik tolak daripada isu ini, pengkaji menjalankan kajian ini untuk menjelaskan perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong terutama dalam kalangan generasi muda bagi memperlihatkan pola penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong.

Menurut Sa'adiah Ma'alip (2016), kepelbagaian bahasa dalam kalangan masyarakat dapat dikaitkan dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan bahasa. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar antara masyarakat menyebabkan penggunaan bahasa etnik masyarakat khususnya suku kaum minoriti di Malaysia akan lebih dikuasai dan didominasi oleh penggunaan bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, Sa'adiah Ma'alip (2016) berpendapat situasi bahasa ini akan mendatangkan kesan kepada bahasa etnik sekiranya bahasa natif ini tidak diwariskan dan digunakan oleh generasi muda. Penggunaan bahasa natif dalam kalangan generasi muda dapat menentukan kelestarian dalam aspek bahasa dan budaya. Bahasa akan dapat dipertahankan jika bahasa natif masih aktif digunakan dalam kalangan generasi muda dan sekiranya generasi muda tidak lagi menggunakan bahasa natif akan menyebabkan peralihan bahasa ibunda kepada bentuk bahasa yang lain.

Sementara itu, sistem kata panggilan dalam sesebuah masyarakat bahasa mempunyai kaitan dengan sistem sosial budaya masyarakat tersebut, (Endang Susilawati dan Asmah Haji Omar, 2017). Justeru, penggunaan kata panggilan adalah berhubung kait dengan faktor-faktor sosial dalam budaya seperti peringkat usia, perbezaan generasi, gender, dan kedudukan antara penutur yang terlibat dalam komunikasi. Selain itu, penggunaan kata panggilan dalam suatu peristiwa komunikasi adalah bersifat dinamis. Hal yang sama turut berlaku dalam komunikasi masyarakat orang asli Che Wong. Penggunaan kata panggilan dalam masyarakat bahasa orang asli Che Wong juga telah mengalami

perubahan akibat pengaruh bahasa luar dan juga faktor peralihan generasi yang tidak lagi mengutamakan penggunaan bahasa tradisional. Perubahan penggunaan kata panggilan ini juga dapat dikaitkan dengan konteks dalam peristiwa komunikasi tersebut. Hal ini bertepatan dengan pendapat Endang Susilawati dan Asmah Haji Omar, (2017) yang mengatakan bahwa latar belakang konteks mempunyai hubungan dalam menjelaskan makna sosial di sebalik pemilihan penggunaan bentuk kata panggilan. Penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong turut mempunyai makna sosial di sebalik pemilihan bentuk kata panggilan yang digunakan. Makna sosial ini yang dimaksudkan adalah aspek kesantunan. Namun kini terdapat kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong yang tidak digunakan lagi dan digantikan dengan kata panggilan yang lain. Hal ini boleh menerbitkan pola penggunaan kata panggilan ini yang dapat dikaitkan dengan aspek kesantunan dalam masyarakat orang asli Che Wong. Hal ini demikian kerana aspek kesantunan yang berkaitan dengan penggunaan kata panggilan dalam sesebuah masyarakat adalah berbeza dengan amalan kesantunan penggunaan kata panggilan yang diamalkan dalam masyarakat yang lain. Begitu juga dengan aspek penggunaan bahasa halus dan bahasa yang berkaitan dengan kata panggilan juga adalah bergantung kepada amalan berbahasa dalam masyarakat. Dengan demikian pola penggunaan dalam aspek kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong juga berbeza dengan pola penggunaan kata panggilan masyarakat bahasa yang lain. Di samping itu, penggunaan kata panggilan yang dianggap kasar dan tidak santun dalam masyarakat bahasa yang lain tidak semestinya memberi kesan yang sama dalam masyarakat yang lain, (Noor Fadilah Dawi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2016) kerana penggunaan bentuk kata panggilan yang kedengaran kasar dan tidak sopan dalam masyarakat orang asli Che Wong adalah salah satu aspek sosial yang diamalkan dalam masyarakat tersebut.

Selanjutnya, sifat bahasa adalah tidak statik dan memiliki sifat yang dinamik. Kedinamikan bahasa telah menyebabkan kata panggilan dan sistem panggilan dalam sesuatu masyarakat bahasa lazimnya sentiasa akan berkembang dan berubah, (Aini Haji Karim, 2017). Perubahan ini sering kali membawa implikasi positif dan negatif terhadap bahasa berkenaan. Kesan yang positif akan memperkayakan kosa kata dalam bahasa berkenaan, sebaliknya kesan negatif akan menyebabkan terjadinya hakisan dalam kosa kata dan budaya dalam masyarakat bahasa berkenaan. Perkembangan dan perubahan ini berlaku semakin cepat selari dengan eraglobalisasi ini pada hari ini. Perkembangan mahu pun perubahan bahasa ini memungkinkan akan munculnya bentuk kata panggilan yang lebih bervariasi. Menurut Aini Haji Karim, (2017) lagi, hubungan sosial dalam masyarakat bahasa telah banyak mempengaruhi bahasaterutamanya dalam penggunaan sistem kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong disebabkan faktor pergaulan dengan masyarakat luar. Perubahan penggunaan sistem kata panggilan ini bukan sahaja mempengaruhi faktor fizikal dan spiritual, malah turut mempengaruhi penggunaan sistem kata panggilan dalam kalangan golongan muda. Dengan kata lain, penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong kini turut dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu sehingga mengakibatkan terjadinya perubahan dan pergeseran penggunaan kata panggilan. Dengan gabungan model etnografi komunikasi Saville-Troike (2003) dan teori pergeseran bahasa dalam kajian ini telah dapat merungkai penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong dan faktor pergeseran penggunaan kata panggilan. Tambahan pula, setelah pengkaji menyoroti beberapa kajian lepas, didapati belum ada sarjana yang menggabungkan kedua-dua teori ini untuk merungkai pola penggunaan kata panggilan dan faktor pergeseran bahasa

yang mempengaruhi penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang Asli Che Wong.

Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, pengkaji menjalankan kajian ini untuk merumuskan perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong sebagai sebahagian daripada lambang jati diri.

1.5 Objektif Kajian

Kajian etnografi berkaitan penggunaan sistem kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong ini menggunakan Model Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) untuk menganalisis pola penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong, dan teori Pergeseran Bahasa Fasold (1984) untuk merumuskan perubahan dalam penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong bagi mencapai tiga objektif kajian seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk sistem kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong.
- ii. Menganalisis pola penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong.
- iii. Merumuskan perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong sebagai sebahagian daripada lambang jati diri.

1.6 Persoalan Kajian

- i. Apakah bentuk sistem kata panggilan yang terdapat dalam masyarakat orang asli Che Wong?
- ii. Bagaimanakah pola penggunaan kata panggilan yang digunakan oleh masyarakat orang asli Che Wong?
- iii. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong sehingga menjadi sebahagian daripada lambang jati diri mereka?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan pemahaman akan kewujudan bahasa minoriti. Bahasa minoriti merupakan salah satu bahasa yang terdapat di Malaysia dan harus dijadikan salah satu identiti negara kerana keunikan bahasa-bahasa ini. Bahasa minoriti mempunyai nilai tersendiri dalam memperkaya sumber dialek serumpun kerana mungkin bahasa ini lebih tua daripada bahasa Melayu klasik. Menurut Asmah Haji Omar (1985):

Boleh jadi juga dialek-dialek itu lebih tua dari bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam hikayat-hikayat.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa minoriti ini berkemungkinan telah bertapak dan menjadi sebahagian daripada bahasa penduduk di Tanah Melayu ini. Hal ini jelas membuktikan bahawa bahasa minoriti merupakan khazanah negara yang tinggi nilainya. Bahasa masyarakat orang asli Che Wong merupakan salah satu daripada bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia dan kini bahasa tersebut berada pada tahap terancam. Menurut Moseley (2012) dalam kajian Sa'adiah Ma'alip (2019), bahasa masyarakat orang asli Che Wong termasuk dalam salah satu bahasa yang menghadapi kepupusan. Oleh yang demikian kajian berkenaan bahasa ini amat penting dan harus giat dijalankan untuk menjamin maklumat dan kelangsungan bahasa minoriti ini pada masa hadapan. Kehilangan bahasa bukan sahaja memberi kesan kepada salah satu keunikan budaya, bahkan ia juga memberi kesan terhadap identiti generasi akan datang.

Berdasarkan kajian kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong ini, keunikan kata panggilan yang terdapat dalam masyarakat bahasa Che Wong dapat dikenal pasti. Pendokumentasian kata panggilan dalam bahasa tradisional masyarakat bahasa orang asli Che Wong harus dilakukan agar aspek dalam bahasa ini terus terpelihara walaupun semakin ihsabat arus kemoneteran dan pengaruh bahasa lain. Dengan kata lain usaha mendokumentasikan aspek bahasa minoriti ini adalah untuk menjamin kelangsungan maklumat berkenaan akan dapat terus bertahan pada masa akan datang terutamanya untuk bahasa yang bersifat lisan seperti bahasa masyarakat orang asli Che Wong. Selain itu, kajian berkenaan aspek kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong juga penting untuk menunjukkan bahawa masyarakat orang asli ini mempunyai sistem kata panggilan sendiri yang unik sekali gus dapat menjadi salah satu tanda keunikan identiti bahasa mereka.

Kepentingan kajian ini seterusnya adalah berdasarkan kepada aspek pola penggunaan kata panggilan berdasarkan kepada model etnografi komunikasi Saville- Troike (2003). Dapatan kajian ini dapat menjelaskan penggunaan kata panggilan yang digunakan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong dan faktor penggunaan kata panggilan tersebut. Hal ini demikian kerana setiap masyarakat bahasa di dunia mempunyai norma dan peraturan komunikasi yang berbeza-beza. Aspek kesopanan berdasarkan penggunaan bahasa dalam kata panggilan juga adalah berbeza mengikut penerimaan amalan dalam masyarakat. Analisis data kajian berdasarkan aspek ini dapat menjelaskan aspek bahasa yang digunakan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang berdasarkan nilai dan norma yang difahami secara bersama dalam kalangan masyarakat. Masyarakat luar akan dapat memahami budaya dan bahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat minoriti ini dengan lebih jelas tanpa sebarang nilai negatif. Manakala penggunaan teori pergeseran bahasa (1984) oleh Fasold telah menjelaskan faktor perubahan penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong. Dengan penjelasan faktor-faktor ini telah dapat diketahui punca berlakunya perubahan dan pergeseran bahasa dalam penggunaan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong. Pergeseran bahasa memberikan satu cabaran kepada bahasa minoriti untuk terus bertahan. Oleh itu langkah-

langkah ke arah pemeliharaan bahasa perlu dilakukan terhadap bahasa yang mengalami ancaman kepupusan.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk kefahaman masyarakat luar berkenaan keunikan bahasa dan budaya masyarakat orang asli khususnya masyarakat orang asli Che Wong. Oleh itu kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada semua penyelidik lain untuk terus mengkaji berkenaan bahasa masyarakat minoriti yang terdapat di Malaysia. Bahasa orang asli dan bahasa Melayu adalah berbeza walaupun terdapat persamaan antara kedua bahasa ini, namun setiap bahasa mempunyai keunikan masing-masing. Kajian berkenaan bahasa orang asli harus lebih giat dijalankan agar masyarakat umum lebih terdedah dengan keunikan bahasa orang asli yang menjadi identiti kepelbagaian kaum di negara ini. Kajian berkenaan bahasa orang asli ini juga penting kerana bahasa minoriti ini semakin digugat kepupusan. Tambahan pula faktor jumlah penutur masyarakat orang asli yang sedikit berbanding masyarakat lain akan memburukkan lagi situasi kelestarian bahasa ini. Oleh itu, kajian dan pendokumentasian bahasa masyarakat orang asli harus dilakukan untuk disebarluaskan kepada masyarakat umum supaya bahasa minoriti ini dapat terus dikaji dan analisis dari semasa ke semasa.

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan di agensi kerajaan misalnya Jabatan Hal Ehwal Orang asli (JHEOA) untuk dijadikan panduan dalam usaha memartabatkan lagi bahasa orang asli Che Wong sekali gus memartabatkan juga bahasa-bahasa orang asli yang lain. Kajian ini diharap dapat menambah koleksi daftar kata orang asli yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli agar dapat menyampaikan maklumat yang terkini kepada orang ramai dan seterusnya menjadikan bahasa suku Che Wong lebih dikenali dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian mengenai bahasa suku Che Wong ini juga dapat membantu pihak Jabatan Hal Ehwal Orang asli memantapkan aspek bahasa dan budaya masyarakat orang asli Che Wong khususnya.

1.8 Batasan Kajian

Kajian etnografi ini hanya membataskan kepada penggunaan sistem kata panggilan dalam masyarakat bahasa orang asli Che Wong di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang. Lokasi ini dipilih kerana penempatan tersebut merupakan penempatan utama suku minoriti orang asli Che Wong.

Sistem kata panggilan dikategorikan kepada beberapa bentuk kata panggilan (Amat Juhari Moain, 1989) yang merangkumi penggunaan kata panggilan formal dan tidak formal. Selain itu, kata panggilan turut merangkumi hubungan antara individu dalam keluarga, kaum kerabat, persanakan dan masyarakat yang lebih luas. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mengkategorikan kata panggilan masyarakat orang asli Che Wong berdasarkan kata panggilan dalam keluarga asas, kata panggilan dalam keluarga besar, kata panggilan pertalian perkahwinan, kata panggilan dalam hubungan kejeranan, kata panggilan warisan, kata panggilan ikhtisas, kata panggilan bentuk formal dan kata panggilan bentuk kata ganti nama dengan memfokuskan pola penggunaan sistem kata

panggilan masyarakat orang asli Che Wong ketika berkomunikasi lisan dalam kalangan masyarakat suku Che Wong.

Data perbualan dianalisis berdasarkan lima daripada sebelas komponen komunikasi etnografi Saville-Troike (2003), manakala teori pergeseran bahasa (1984), pula digunakan untuk merumuskan perubahan penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong bagi melambangkan jati diri mereka.

Jadual 1: Pola Penggunaan Kata Panggilan Masyarakat Orang Asli Che Wong Berdasarkan Komponen Komunikasi Etnografi Saville-Troike (2003)

Komponen komunikasi etnografi Saville-Troike (2003)	Pola penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong
1. Latar	Tempat komunikasi berlaku
2. Tujuan / Fungsi	Penggunaan kata panggilan yang tidak merujuk kepada keadaan sebenar individu untuk mencapai tujuan tertentu.
3. Peserta	Peserta yang terlibat dalam peristiwa komunikasi
4. Peraturan Interaksi	Peraturan yang harus diikuti dalam masyarakat untuk menunjukkan kesopanan.
5. Norma Interpretasi	Pengetahuan yang dikongsi secara bersama dalam masyarakat dan ia berkaitan dengan nilai budaya yang relevan dan kesefahaman bersama.

Responden kajian adalah terdiri daripada penutur natif masyarakat orang asli Che Wong yang berada di perkampungan Sungai Enggang Kuala Gandah, Pahang. Masyarakat orang asli Che Wong yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 60 orang yang dikelompokkan dalam tiga kategori peringkat umur, iaitu kategori pertama iaitu kanak-kanak berumur 6 hingga 17 tahun, kategori kedua iaitu remaja berumur 18 hingga 39 tahun dan kategori ketiga iaitu dewasa dan tua berumur 40 tahun ke atas. Peringkat umur informan adalah berdasarkan kepada kerangka umur yang dinyatakan oleh Mohd Sharifudin Yusop (2013). Kategori pertama berumur 6 hingga 17 tahun dipilih kerana golongan ini sudah mula bersekolah dan sudah boleh berkomunikasi secara lisan dengan baik. Pertembungan bahasa juga boleh berlaku akibat pertembungan dengan penutur multibahasa terutamanya di sekolah. Kategori kedua berumur 18 hingga 39 tahun dipilih kerana golongan ini dilihat mempunyai daya mobiliti yang semakin tinggi akibat pendedahan kepada proses sosialisasi dalam pekerjaan, perkahwinan, pertembungan dengan masyarakat luar dan sebagainya. Manakala kategori ketiga berumur 40 tahun ke atas pula dipilih kerana mengambil kira faktor kematangan dalam diri dan kelompok ini berpotensi sebagai penyambung warisan bahasa.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah dan konsep yang menjadi landasan dalam kajian ini agar kajian ini tidak tersasar daripada fokus kajian. Antara konsep yang difokuskan dalam kajian ini adalah sistem kata panggilan, masyarakat orang asli Che Wong. Kesemua konsep ini merupakan aspek yang mendukung kajian ini dilakukan.

1.9.1 Sistem Kata Panggilan

Kata panggilan dalam kajian ini merujuk kepada kata panggilan yang digunakan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang. Sistem kata panggilan ini digunakan untuk menunjukkan rujukan terhadap seseorang dalam komunikasi dan penggunaan kata panggilan merupakan ciri universal yang dikongsi secara bersama dalam masyarakat orang asli Che Wong. Sistem kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong merangkumi penggunaan kata panggilan yang digunakan mengikut konteks seperti kata panggilan dalam keluarga asas, keluarga besar, ikatan perkahwinan dan sebagainya. Selain itu kata panggilan juga meliputi penggunaan kata panggilan kata ganti nama diri. Penggunaan kata panggilan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong adalah berdasarkan kepada amalan budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat mereka. Hal ini kerana aspek kesopanan berdasarkan penggunaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong adalah berbeza berbanding aspek kesopanan dalam masyarakat Melayu kerana nilai dan norma budaya kedua-dua masyarakat ini adalah berbeza. Penerimaan budaya dalam kalangan masyarakat adalah berbeza dan semuanya bergantung kepada norma yang difahami secara bersama dalam masyarakat.

1.9.2 Masyarakat Orang Asli Che Wong

Masyarakat Orang asli Che Wong merupakan salah satu suku yang tergolong dalam kelompok suku Senoi. Masyarakat minoriti ini kebanyakannya tinggal di negeri Pahang terutamanya di daerah Temerloh. Penempatan utama suku ini terdapat di Kampung Sungai Enggang, Kuala Gandah Pahang. Penempatan ini terletak berdekatan dengan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang. Pusat ini merupakan salah satu tempat tarikan pelancong yang dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara saban hari. Perkampungan masyarakat ini secara tidak langsung menjadi pusat tumpuan para pengunjung yang melawat Kuala Gandah. Hal ini demikian kerana bukan sahaja faktor perkampungan masyarakat ini berada dalam kawasan perlancongan, malah keunikan dan keistimewaan masyarakat minoriti ini menjadi tarikan pengunjung mengunjungi kawasan kehidupan mereka. Namun menurut penduduk orang asli Che Wong yang tinggal di kawasan Kampung Sungai Enggang, masih terdapat penempatan suku tersebut di tempat lain, antaranya di Sungai Beranti, Lata Tujuh, Bayek dan Sungai Enggang. Suku Che Wong seperti suku orang asli yang lain mengamalkan gaya hidup nomad demi kelangsungan hidup, namun semenjak pihak kerajaan menyediakan penempatan tetap kebanyakan daripada mereka tinggal di kawasan berkenaan iaitu di kawasan perkampungan Sungai Enggang. Mereka masih lagi mengamalkan kehidupan di hutan

walaupun mempunyai penempatan tetap kerana menurut mereka, hutan dan kehidupan masyarakat orang asli tidak akan berubah. Mereka akan tetap ke hutan bagi mendapatkan bahan makanan, kerana bagi mereka itulah gaya kehidupan tradisional nenek moyang mereka.

Suku Chewong atau Che Wong merupakan suku yang terkecil jumlahnya dalam kelompok suku Senoi dan masih mengamalkan kehidupan yang bersandarkan hutan dan alam semulajadi di hutan simpan Krau, Pahang. Berdasarkan kepada pandangan UNESCO, jumlah masyarakat orang asli Che Wong mengalami penyusutan. Sehingga tahun 2012, anggota masyarakat orang asli Che Wong ini dianggarkan hanya tinggal seramai 450 ke 600 orang sahaja. Atas sebab tersebut, UNESCO telah menyenaraikan bahasa Che Wong sebagai salah satu bahasa terancam di dunia dan berada pada tahap “6b threaten” (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>). Jumlah anggota suku kaum Che Wong ini merupakan satu petanda kepada keadaan atau status kelangsungan masyarakat Che Wong itu sendiri.

Bahasa masyarakat orang asli Che Wong merupakan bahasa Austro-Asiatik, yang tergolong dalam kelompok Northern Aslian. Masyarakat orang asli Che Wong mempunyai cerita asal usul yang unik. Hal ini demikian kerana, masyarakat orang asli Che Wong dikatakan mempunyai seorang raja dan kerajaan mereka sendiri di Semenanjung Malaysia. Raja berkenaan dikenali sebagai Raja Pinang dan raja ini berkuasa dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong. Namun terdapat juga versi cerita asal usul yang lain iaitu Raja suku ini berasal dari Siam yang bernama Che. Dakwaan ini dikatakan berasas kerana bahasa masyarakat orang asli Che Wong mempunyai persamaan dengan bahasa Siam. Hal ini demikian kerana bahasa masyarakat orang asli Che Wong mempunyai dua dialek yang berbeza, iaitu bahasa asli Che Wong dan bahasa pasar yang mirip dengan bahasa Semelai. Bahasa Chewong, termasuk dalam rumpun bahasa Austro-Asiatik, cabang daripada rumpun bahasa Mon-Khmer. Kedua-dua kisah lisan itu mempunyai jalan cerita yang berbeza, tetapi tetap disepakati bersama tentang asal usul mereka. Mereka percaya bahawa asal usul mereka mempunyai susur galur daripada keturunan raja.

Asal usul masyarakat orang asli Che Wong juga terbahagi kepada pelbagai variasi yang lain. Menurut Jamilah Bebe, Anis Nabila dan Jamal Rizal (2016), versi pertama menceritakan berkenaan asal usul Che Wong yang berasal daripada keturunan Tuhan dan terdapat dua adik beradik lelaki yang telah turun ke bumi di pergunungan Indo-China iaitu di sebuah bukit yang paling tinggi di pergunungan Pnom Phen, Vietnam. Mereka berdua telah berjalan hingga ke Thailand. Salah seorang daripada adik beradik lelaki ini tidak meneruskan perjalanan dan akhirnya menjadi seorang raja dan keturunannya kekal memerintah sehingga sekarang. Manakala seorang lagi telah meneruskan perjalanan melalui banjaran Titiwangsa sehingga ke Gunung Benom dan akhirnya menjadi raja di hulu sungai. Keturunannya kekal mendiami kawasan di Pahang sehingga hari ini. Panggilan ‘Che’ dikatakan bermaksud ‘tuan’ atau ‘tuhan’. Panggilan ‘Wong’ pula bermaksud ‘orang’ dan jika digabungkan menjadi tuhan atau tuan orang. Hal ini bermaksud mereka adalah tuan atau tuhan kepada manusia.

Versi yang kedua pula mengatakan bahawa masyarakat orang asli Che Wong berasal daripada keturunan raja di sebuah Negara di Indo china dan raja tersebut bernama 'Che'. Raja tersebut dikatakan telah jatuh cinta dengan seorang gadis bernama 'Wong'. Namun, mereka berdua tidak boleh berkahwin kerana 'Che' merupakan keturunan raja yang berasal dari dewa dewi dan tidak boleh berkahwin dengan manusia. Walau bagaimanapun disebabkan oleh rasa cinta mereka telah melarikan diri ke banjaran Titiwangsa hingga ke Gunung Benom. Mereka telah berkahwin dan tinggal aman damai di sana. Dipercayai keturunan mereka hidup aman damai hingga hari ini di kedua-dua belah banjaran Titiwangsa iaitu di hutan simpan Krau merangkumi Lanchang dan Ulu Dong. Versi yang ketiga pula, menurut Harun Mat Piah (2003), orang asli Che Wong adalah berasal daripada keturunan Sang Kelembai yang bermula daripada dua beradik iaitu Tak Ong dan Tatang. Dua adik beradik ini sentiasa bersaing antara satu sama lain dan Tatang sentiasa dapat mengalahkan abangnya Tak Ong. Disebabkan hal ini Tak Ong telah menyimpan dendam terhadap adiknya. Tak Ong sentiasa bernasib malang apabila mata dan telinga cedera menyebabkan dia menjadi buta dan pekak. Bagi Tatang pula, pada awalnya dia seorang yang sentiasa ceria sehinggalah isteri dan anaknya mati akibat keracunan buah perah. Disebabkan rasa marah, semua pokok perah yang ditemuinya akan dicabut dan dikatakan ketiadaan pokok perah di kawasan Kampung Dong dan Pulau Raya dikaitkan dengan peristiwa ini. Walaubagaimanapun asal-usul perkataan atau nama Sang Kelembai tidaklah pula diketahui. Cerita asal usul masyarakat ini kebiasaannya disampaikan dari mulut ke mulut kepada setiap generasi baru. Kini cerita berkenaan semakin hilang kerana faktor masyarakat muda tidak lagi berminat akan cerita sejarah masyarakat mereka dan generasi baru kini lebih berminat terhadap jalur yang lebih moden.

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab ini menjelaskan maklumat berkenaan sistem kata panggilan, bahasa dan latar belakang masyarakat orang asli Che Wong di Malaysia. Maklumat berkenaan kata panggilan dalam masyarakat orang asli Che Wong di Malaysia dihuraikan, di samping maklumat berkaitan bahasa dan budaya turut diterangkan. Penggunaan sistem kata panggilan dalam masyarakat bahasa dihuraikan untuk memperlihatkan bahawa setiap bahasa mempunyai rangkaian kata panggilan yang berbeza walaupun digunakan dalam aspek yang sama. Tegasnya setiap masyarakat mempunyai norma dan nilai yang berbeza dalam menentukan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Justeru kajian berkenaan bahasa dan sosiobudaya masyarakat orang asli Che Wong khususnya di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah, Pahang dapat menerangkan bahawa bahasa dan budaya saling berkait rapat antara satu sama lain. Amalan budaya dalam masyarakat turut mempengaruhi penggunaan kata panggilan ketika berkomunikasi. Ekoran daripada beberapa permasalahan kajian, kajian berkenaan penggunaan kata panggilan dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah, Pahang harus dilakukan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang diutarakan. Kajian ini dilakukan dalam skop atau batasan kajian yang telah ditetapkan. Manakala definisi operasional pula diterangkan agar aspek berkaitan dapat difahami dengan lebih jelas.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Hadi Kudin dan Karim Harun. (2017). "Diglosia" dan "Loyalti" Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang asli Semai. *Jurnal Linguistik* Vol.21 (2) Disember 2017 (048-059). Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdul Hamid Mahmood (1989). *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan. (1969). *Satu Kajian Fonoloji-Morfologi Bahasa Orang-orang Melayu Asli, Dialek Temuan*. Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Abdullah Hassan.(1987). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia (General Linguistics For Instructors Of Malay Language)*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Adi Yasran. (2005). *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Optimaliti*. Tesis PHD, Institut Tamadun dan Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adam,N.F.B.M.,Yusop,M.S, & Makhtar,R. (2018). Bahasa Orang Asli Jahut: Penelitian Aspek Fonologi Dan Leksikal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 12-29.
- Aini Karim. (2010). *Terminologi Kekerabatan dalam Dialek Melayu Brunei: Kepelbagaian, Perubahan dan Cabaran Asimilasi Bahasa Inggeris*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aini Haji Karim. (2017). Sistem Panggilan Dalam Masyarakat Melayu Brunei: Pengekalan Dan Pemantapan Jati Diri. *Pertanika MAHAWANGSA Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* .Volume 4, No. 2, November 2017.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem Kata Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sociolinguistik*. Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia.
- Amat Juhari Moain (1987). Sistem Sapaan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Sociolinguistik (Address System in Malay: An Analysis of Sociolinguistics). *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Amat Johari Moain (1989). *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu Suatu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amat, J.M. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu Suatu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Angkab Palakornkul. (1975). A Socio-Linguistic Study Of Pronominal Usage In Spoken Bangkok Thai. *De Gruyter: An Interdisciplinary Journal of the Language Sciences*.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, (Eds.). (2006). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Mohd. Amin (1982). *Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (1983). *Kesalahan Umum Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Awang Sariyan (2000). *Warna Dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). *Mencari Makna Diri Melayu: Renungan untuk Bangsaaku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ayan, E. (2015). Minority Language Loss: Socio-Cultural and Linguistic Causes. *European Journal of English Language, Linguistics and Literature*, 2(1), 62-88.
- Azman Wan Chik (1982). *Trend-trend Baru Dalam Bidang Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bailon, S.G. & Maglaya, A. (1978). *Perawatan Kesehatan Keluarga: Suatu Pendekatan Proses (Terjemahan)*. Jakarta: Pusdiknakes.
- Batik Bidin. (2002). *Penggunaan Kata Panggilan dan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Iban: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Benjamin, G. (1976). *Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula*. Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Bloomfield, Leonard. (1958). *Language*. New York: Henry Hold and Company
- Bruning, J. L., & Kintz, B. L. (1987). *Computational handbook of statistics* (3rd ed.). Scott, Foresman & Co.
- Burgess And Locke.(1953). The Family - From Institution To Companionship. *Scholarly Journals. Chapel Hill, N.C.* Vol. 32, Iss. 1, (Jan 1, 1953): 392.
- Beden, S. (2019). Prinsip Dan Strategi Kesantunan Penulisan Dalam Artikel Ruangana Agenda Bahasa . *Issues in Language Studies*, 8(1), 105-129.
- Carey Iskandar. (1976). *Orang asli: The Aboriginals Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur & New York: Oxford University Press.
- Cohen, L. & Manion, L. (1989). *Research methods in education (3rd ed.)*. London: Routledge.
- Chaedar Alwasilah (1993). *Sosiologi Bahasa*. Bandung: Angkasa
- Chaer, A. & Agustina L (1995). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul. (2000). *Tatabahasa Praktis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Bharata Karya Aksara.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Master, Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Universiti Putra Malaysia: McGraw Hill Education
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins J, T. (1985). Dialek Melayu Di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa Melayu di Kalangan Orang Asli. *Jurnal Dewan Bahasa*, 29, 476-493.

- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (2nd ed.)*. Upper Saddle River, N.J : Pearson Merrill Prentice Hall. Pearson Education.
- Crystal, D. (2002). Mengapakah Bahasa Mati? (Azizah Md.Hussin, Penterjemah). *Jurnal Bahasa*.
- Creswell, J. W., & Miller, D. L. (2000). *Determining validity in qualitative and mixed methods approaches (4th ed.)*. Sage Publication Inc
- David Crystal. (2002). *Language Death*. Cambridge University Press.
- Centeno, J.G, Anderson R.T & Obler L.K. (2007). *Communication Disorder in Spanish Speakers, Theoretical Research and Clinical Aspect*. Clevedon UK. Multilingual Matters.
- Dayang Aini binti Haji Karim. (2003). *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Satu Kesilapan*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Daud, M. Z., & Abd Wahid, M. S. N. (2019). Persembahan Hadrah di Sarawak: Pendekatan Etnografi Komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2). Universiti Teknologi Malaysia.
- Dell Hymes. (1966). On "Anthropological Linguistics" and Congeners. *JSTOR Journal*.
- Dell Hymes. (1972). *Language in Society*. Cambridge University Press.
- Dell Hymes. (1974). *Explorations in the Ethnography of Speaking*. Distinguished Professor of Folklore and Anthropology Richard Bauman.
- Delamont, Sara. (1992). *Fieldwork in Educational Settings: Methods, Pitfalls, & Perspectives*. PA: The Falmer Press.
- De Saussure, Ferdinand. (1966). *Course in General Linguistics*. London: McGraw-Hill Book Company.
- Dewan Bahasa, Ogos. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Budaya. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dorian, N.C. (1981). *Language Death: The Life Cycle of a Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Dressler, W. U. (1982). *Acceleration, Retardation, and Reversal in Language Decay*. Bloomington, Indiana: Indiana University Press
- Duvall & Logan. (1986). *Marriage & Family Development*. New York : Harper & Row Publisher.
- Ervin-Tripp, S. (1972). *Sociolinguistic Rules: Alteration and Co-Occurrence*. In: J. Gumperez, & D. Hymes (Eds.), *Directions in Sociolinguistics* (pp. 213-250). Cambridge: Basil Blackwell.

- Edwards, J. (1992). *Sociopolitical Aspects Of Language Maintenance And Loss: Towards A Typology Of Minority Language Situations*. Amsterdam : John Benjamins
- Ember, Carol R. & Melvin Ember. (1990). *Anthropology*. 6th ed. New Jersey : Prentice Hall.
- Endang Susilawati, Asmah Haji Omar. (2017). Makna Sosial dalam Kata Panggilan: Kajian Etnografi Komunikasi dalam Komuniti Bahasa Melayu Sambas. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 28. 85-115
- Endang Susilawati.(2016). *Kata panggilan dalam komuniti Bahasa Melayu Sambas di Kalimantan Barat: Sistem dan konteks*. PhD thesis, University of Malaya.
- Endicott, K. L. (1979). *Batek Negrito Sex Roles*. MA Diss., Australian National University.
- Endicott, K. M. (1979) a. *Batek Negrito Religion: The World-View And Rituals Of A Hunting And Gathering People Of Peninsular Malaysia*. Oxford, UK: Clarendon Press.
- Eka Suryatin.(2020). Pergeseran Penggunaan Kata Sapaan oleh Generasi Milenial Banjar di Kota Banjarbaru. *Prasasti: Jurnal of Linguistics*. Vol. 5 Number 1 April 2020.
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin dan Faiziah Shamsudin. (2014). *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fasold, Ralph. (1984). *The Sociolinguistics Of Society*. New York: Blackwell.Fazal Mohamed Mohamed Sultan, and Mohd Romzi Ramli, (2016) Kata Ganti Nama dalam Bahasa Mendriq. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 15 (3). pp. 51-66. ISSN 1675-8021.
- Fasold, R. (1987). *The Sociolinguistik of Sosity*. England: Blackwell Publisher.
- Fasold, Ralph. (1990). *Sociolinguistics of Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fasold, R. (1996). *The Sociolinguistics of Language*. Cambridge: Blackwell Publishers Ltd.
- Ferguson. (1977). *Linguistics as Anthropology*. In *Linguistics and Anthropology*, edited by Muriel Saville-Troike.Georgetown University Round Table on Languages and Linguistics. Washington: Georgetown University Press.
- Frank Parker (penterjemah Raja Rahawani Raja Mamat) .(1994). *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gibbs, R. (2002). A New Look At Literal Meaning In Understanding What Is Said And Implicated. *Journal Pragmatik*.
- Grimes, Barbara. (2002). *Global Language Viability*. Jakarta: Kanisius.

- Guanawan, Asim. (2006). Kasus- kasus Pergeseran Bahasa Daerah: Akibat Persaingan dengan Bahasa Indonesia? *Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia*, Febuari 2006. Jakarta : Masyarakat Linguistik Indonesia Bekerjasama dengan Yayasan Obor Indonesia.
- Gumperz J and Hymes D.H .(1972). *Directions in Sociolinguistic: The Ethnography of Communication*. New York.
- Gunawan Purba. (2017).*Pergeseran Kata Sapaan Dalam Bahasa Simalungun Di Kecamatan Labuhan Deli*. Fakultas Ilmu Budaya Universitas Sumatera Utara.
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman. (2014). Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Remaja Malaysia Dari Sudut Etnografi Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 4 (1). pp. 30-40. ISSN 2180-4842.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta : Universiti Indonesia.
- Hartman dan Stork.(1973). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: University Press.
- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Haryono, A. (2015). *Etnografi Komunikasi: Konsep, Metode, Dan Contoh Penelitian Pola Komunikasi*. Jember : UPT Penerbitan UNEJ
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu : Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Ahmad. (2009). *Lidah Terputus, bahasa dan Bangsa Pupus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hammersley, Martyn dan Atkinson, Paul. (1995). *Ethnography Principle In Practice*. Edisi 2. London: Routlege.
- Hoffman, C. (1991). *An Intorduction to Bilingualism*. Longman, New York.
- Hammersley, Martyn dan Atkinson, Paul. (1995). *Ethnography. Principles in Practice*. Edisi 2. London: Routledge.
- Holmes, Janet. (2001). *An Introduction to Sociolinguistic*. New York. Longman.
- Howell, Signe Lise & Melhuus, Marit .(2007). *Race, Biology and Culture in Contemporary Norway: Identity and Belonging in Adoption, Donor Gametes and Immigration, In Peter Wade (ed.), Race, Ethnicity, and Nation:Perspectives from Kinship and Genetics*. Berghahn Books.
- Hudson, R.(1980). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hunt. P.D.R. Williams. (1952). *An Introduction To The Malayan Oborigines*. Kuala Lumpur: Government Press.

- Hymes, D.H. (1972a). Editorial Introduction to Language in Society. *Language in Society*. 1(1): 1-14.
- Hymes, D. H. (1974). *Foundations in sociolinguistics: An ethnographic approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hymes, Dell (1977). *Foundations in Sociolinguistics an Ethnographic Approach*. Great Britain: Tavistock Publications.
- Hymes, Dell. (1971). *Foundation In Sociolinguistics*. London: Longman.
- Hymes, Dell. (1972). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hymes, D.H. (1972a). Editorial Introduction to "Language in Society. *Language in Society*, 1 (1): 1-14.
- Ismail Dahaman (1989). *Kesalahan Umum Ejaan Rumi Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.77.
- Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Jamal Rizal Razali. (2016). *Tinjauan Amalan Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli Che Wong* (dibentang pada International Conference of Humanities 2016 (ICH2016) pada 22-23 Disember 2016 bertempat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Jariah Mohd Jan. (2006). *On Learning To Be Assertive: Women And Public Discourse*. De Gruyter Mouton.
- John W. Creswell & Dana L. Miller (2000), Determining Validity in Qualitative Inquiry Theory into Practice Journal, vol. 39/3. 124-130
- JHEOA. (2008). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- JHEOA. (2012). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- Juriah Long et. al. (1994). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kalthum Ibrahim & Sabariah Mohd Ghani. (2016). Kata Panggilan Kekeluargaan oleh Mahasiswa dari Pantai Timur Universiti Kebangsaan Malaysia; Satu Kajian Sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik* Vol. 20(1) Jun.2016 (001-009).
- Kamarudin Hj. Husin (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.(2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kaplan, R.(1973). *The Dimensions Of The Visual Environment: Methodological Considerations*. Environmental Design: Research And Practice. Proceedings Of The Environmental Design Research Association Conference Three, Los Angeles.
- Kartomihardjo,Suseno.(1988).*Bahasa sebagai cermin kehidupan masyarakat*.Jakarta: Depdikbud, Dirjen Dikti, Proyek Pengembangan Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan.
- Kerlinger. (1973). *Multiple Regression in Behavioral Research*. New York : Holt,Rineheart & Winston, Inc.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah.(2007). *Pembangunan mapan Orang asli*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kidder. (1981). *Research Methods in Social Relations*. New York : Rinehart & Winston.
- Koentjaraningrat, (1974).*Kebudayaan Mentalitas dan Pembangunan*.Gramedia Pustaka Utama, Jakarta.
- KPM. (1998). *Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang asli di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kramsch, Claire. (1998). *Language and Culture*. Oxford:Oxford University Press.
- Kridalaksana, Harimurti. (1982). *Fungsi Bahasa dan Sikap Bahasa*. Jakarta: Nusa Indah.
- Kridalaksana, Harimurti. (2008). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia PustakaUtama.
- Kuswamo, E. (2008). *Metode Penelitian Etnografi Komunikasi*. Bandung: Widya Padjadjaran.
- Lamsir Asib. (2011). *Faktor Sociolinguistik dan Hubungannya dengan Pemupusan Bahasa Bajau-Samah di Daerah Kota Belud Sabah*. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Lexy J. Moleong. (1990). *Metodelogi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Lim Chong Him. (2007).*Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. McGraw-Hill.
- Lyons Jhon.(1993). *Bahasa Theoretis*. Trj. Abdullah Hassan, Rogayah Abd. Razak & Wan Zaleha Mohd. Nordin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Ahmad Saman & Ahmad Sebi (1996). *Peranan Media Dalam Masyarakat Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, C, & Rossman,G.G. (1999).*Designing Qualitative Research. 3rd Edition*. Thousand Oaks: Sage.

- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Mbete, Aron Meko. (2003). *Bahasa dan Budaya Lokal Minoritas, Asal-Muasal, Ancaman Kepunahandan Ancangan Pemberdayaan dalam Kerangka Polalilmiah Pokok Kebudayaan Universitas Udayana*. Pidato Pengukuhan Jabatan Guru Besar Tetap dalam Bidang Linguistik pada Fakultas Sastra Universitas Udayana ,25 Oktober 2003.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey –Bass.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2000). *Kelestarian Bahasa Mandailing di Malaysia: Satu Tinjauan Sosiologi Bahasa*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Kanaq di Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2010). Cacatan RD Favre (M DCCC LXV) *Duluhan Jurang Komunikasi Melayu-Orang asli dalam Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang asli: senoi*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Masleh, Zainal Abidin (2011) *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket Dan Bahasa Lahanan Di Daerah Belaga, Sarawak*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Morgan, Stephanie. (1968). Iban Aggressive Epanion. Some Background Factors. *Sarawak Museum Journal* 16: 141-85.
- Moseley, C. (2012). *Atlas of the World's Languages in Danger*. France: UNESCO Publising.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Muhammad Salehudin Aman (1993). Analisis Kesalahan Tatabahasa *Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Atas. Tesis Masters, Universiti Putra Malaysia (UPM)*. Nik Safiah Karim (1986). "Pencemaran Bahasa Melayu dan Kesannya Terhadap Pengajaran Bahasa Malaysia" dlm. Dewan Bahasa 24: bil Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muna Afifah Mohd Zulkepli, Jama'Yah Zakaria And Nor Azuwan Yaakob. (2015). Kata Panggilan Masyarakat Bajau Tuaran (Address Forms Of Bajau Tuara), *Journal Of Business And Social Development*, 3(2): 96-102.
- Muzakki, Lalu Izron (2020) *Pergeseran Penggunaan Bentuk Sapaan Dalam Hubungan Kekerabatan Bahasa Sasak Isolek Dusun Rebila Desa Tanak Awu Kecamatan Pujut*. Tesis Master. Universitas Mataram.
- Nicholas, Colin. (2000). *The Orang asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA).
- Nicholas, Collin. (1997). *The Orang asli of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Centre for Orang asli Concerns.
- Nicholas, Collin. (2000). *The Orang asli and The Contest for Resources: Indegenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Basri bin Nik Ab. Kadir. (2009). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1978). *Semoq Beri: A Prilimery description*. Proceeding of the International Congress of Anthropological and Ethnological Sciences.
- Neuman, W.L. (2003). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, 5th ed. Boston, USA: Allyn and Bacon.
- Noor Azlina Abdullah. (1975). *Decisions And Variability: The Usage Of Pronouns, Terms Of Address And Languages From West Malaysia*. M.A. Dissertation, University Of Lancaster.
- Noor Azlina Yunus. (1975). *Decisions and variability: The usage of pronouns, terms of address and languages by Malay-English bilinguals from West Malaysia*. MA Dissertation, University of Lancaster.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin dan Sa'adiyah Ma'alip. (2005). *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Selangor: Dewama Sdn. Bhd.

- Noor Faaizah dan Mohd Sharifuddin. (2014). Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut di Pahang. *Journal of Human Development and Communication: Unimap*. Volume 3 (Special Issue). 141-161.
- Nor Fadilah Dawi, Zaitul Azma. (2016). “Aku” Dalam Konteks Kesantunan Masyarakat Lahad Datu. *Jurnal Bahasa* Jilid 16 Bil. 1 .153-180.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Maslida Yusof. (2002). Kata Panggilan dalam Masyarakat Melayu: Analisis Sociolinguistik dan Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur. 2(2), 224-257.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhisham Osman. (1999). *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa : Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. Tesis PHD Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd. Yusof .(2003). *Persamaan dan Kemiripan Bahasa: Perbandingan Kosa Kata Dasar Sepuluh Bahasa Austronesia di Sarawak*. Kertas kerja Seminar Brunei Darussalam-Jepun, Universiti Brunei Darussalam, 11-12 Ogos 2003.
- Noriah Mohamed dan Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi Di Sarawak*. Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2015). *Pelestarian Turunan Penelusuran Moyang: Pengadunan Sociolinguistik dan Linguistik Sejarah dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Penerbit USM: Universiti Sains Malaysia.
- Norliza Amin. (1999). *Penggunaan Ganti Nama Diri Dan Kata Panggilan Dalam Bahasa Iban*. Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik
- Norliza Amin. (2017). Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Iban. *Journal of Modern Languages*. Universiti Malaya.
- Novianti, M. I. (2017). Penggunaan Pelesetan Nama Panggilan Dalam Masyarakat Sasak Dan Relevansinya Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Di Sma. *RETORIKA: Jurnal Ilmu Bahasa*, 2(2), 313-327.
- Ochs,E and Schieffelin B.B .(1995). The Impact of Language Socialization on Gramatical Development. *The Handbook of Child Language*. 73-94. Oxford Blackmail.
- Othman Lebar.(2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q.(1990).*Qualitative Evaluation And Research Methods (2nd Ed.)*.Sage Publications, Inc.
- Pelan Strategik Kemajuan Orang asli 2011-2015.(2011). Kuala lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang asli.

- Pelto & Pelto.(1978). *Anthropological Research: The Structure of Inquiry*. Cambridge University Press.
- Radcliffe Brown and Margaret Mead. (1969). *Society, Social Sytem, Cultural Character, and the Idea of Culture, 1931-1935*. University of Pennsylvania.
- Radford Andrew. (1999). *Linguistics : An Introduction*. United Kingdom Cambridge: University Press.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. (1989). Bahasa dalam Konteks Pemikiran Pemakaian Kebudayaan dan Sosial. Dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader, *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlee Abdullah. (1993). *Semoq Beri: Komuniti Orang Asli di Terengganu. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*
- Riduan Makhtar, Siti Aisah, Abd Ganing Laengkang. (2019). *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Islam Antarabangsa Selangor.
- Ritah Yahaya. (2006). Artikel “ *Peranan Radio dalam Kalangan Orang asli: Dari Siaran Orang Asli ke Asyik FM*”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riza Al Fakhuriziah dan Nur Maghirah Aesthetika. (2016). Etnografi Komunikasi Orang Tua-Anak di Kampung Inggris. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Park, R. (1950). *Race and Culture*. New York, US: New York Free Press.
- Rohaidah Mashudi.(1999). “*Perbandingan Fonologi Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu Di sabak Bernam.*” Tesis Master, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Rohani Mohd Yusof (1986). *Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor Mohd Nor. (2014). *Bahasa Orang asli Melayu-Proto: Bahasa atau Dialek Melayu*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Rohani Mohd Yusof. (2014). *Perbandingan Linguistik Bahasa Melayu dan Bahasa Iban*. Dalam Seminar Bahasa-Bahasa Peribumi di Malaysia. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roselina Ahmad Saufi & Syed Azizi Wafa. (2014). Ulasan Literatur: Proses Gabung Jalin Data Kualitatif dan Kuantitatif. Hlm 55-56. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

- Sa'adiah Ma'lip. (2000). Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan diPerkampungan Portugis, Melaka. *Jurnal Dewan Bahasa* 44 (10): 1077-1086.
- Sa'adiah Ma'lip. (2014).Pemilihan bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang asli Che Wong. *Jurnal Melayu* Jilid 12(1).32-43.
- Sa'adiah Ma'lip. (2019). Komunikasi Antara Keluarga:Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang asli Che Wong. *Jurnal Melayu* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosia..* Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Salbia Haji Hassan. (2007). *Kata Sapaan Dan Panggilan dalam Bahasa Melanau: Satu Kajian Preliminari*. Conference: Prosiding Konferensi Antaruniversiti se Borneo-Kalimantan ke-3 At: Banjarmasin, Kalimantan Selatan Indonesia
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan panduan menulis (esei, proposal, tesis)*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sasse, Hans-Jurgen.(1992). *Language Decay and Contact-Induced Change: Similarities and Differences*. In *Language Death: Factual And Theoretical Explorations With Special Reference To East Africa*, Edited By Matthias Brenzinger, 59–80. Berlin: Mouton De Gruyter.
- Saville-Troike, M. (1982). *Ethnography Communication: An Introduction*. Oxford: Basil Blackwell.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography Of Communication. An Introduction*. Oxford UK: Blackwell Publishing
- Sawan @ Mohammad Syawal. (2015). *Adaptasi Unsur Alam Dan Unsur Fauna Dalam Kata Panggilan Adat: Pendidikan Untuk Kelestarian Budaya Etmik Kelabit*. In: ASEAN Comparative Education Research Conference (ACER-N 2015), 7-8 Oktober 2015, Institut KWSP Kajang.
- Schensul, S, Schensul , J & LeCompte, M. D.(1999). *Essential Etnographic Methods. Book Two of The Ethnographers Toolkit*. Walnut Creek, CA: Altamira Press a Division of Saga Publications.
- Sibrani, Robert. (2004). *Antropolinguistik: Antropology Linguistik, Linguistik Antropologi*. Medan: Poda.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk. *Jurnal Bahasa*. Jilid 14 Bil. 1 135-158.

- Soekanto Soerjono. (1983). *Beberapa Teori Tentang Struktur Masyarakat*. Indonesia: PT Raja Grafindo Persada.
- Sudiharto. 2002. *Standar Pelayanan Medis. Komite Medik Rumah Sakit Umum Dr. Sardjito* Yogyakarta.
- Sulaiman Masri & Razali Ayob (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana Dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sumarsono, dan Paina Pratana. (2002). *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: Sabda dan Pustaka Pelajar.
- Sumarsono, dkk. (2004). *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: Sabda dan Pustaka Pelajar.
- Syamsidah Saad. (2015). *Komunikasi Lisan dalam Kalangan Masyarakat Che Wong, Pahang*. Universiti Putra Malaysia.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, S.J. and Bogdan,R.(1998) *Introduction to Qualitative Research Methods.A Guidebook and Resource* (3rd end).
- Taylor. (1982). *Meetings Discussion*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Teo Kok Seong .(1993). *A Sociolinguistic Description of the Peranakan Chinese of Kelantan* . University of California, Berkeley.
- Teo Kok Seong. (2007). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Teo Kok Seong. (2008). *Bahasa Melayu Dan Komunikasi Dalam Dunia Globalisasi: Persoalan Keupayaan Bahasa Melayu, Keutuhan Jati Diri Bangsa Melayu Dan Ketakatan Budaya Melayu*. Kertas kerja Bulan Bahasa & Sastra Negara 2008 – Peringkat Negeri: Melaka.
- Troike, Muriel Saville .(1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Terjemahan Ajid Che Kob. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2004). *Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang*. Tesis PHD, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2005). Globalisasi, Internasionalisasi, Dan Nasionalisme Dalam Mempertahankan Identiti Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 16. 174-186.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang asli Bateq dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

- Wan Muhamad, S.A.A.(2010). *Strategi, kaedah dan Pelaksanaan Dakwah dalam Membina Jati Diri Kebangsaan*. Bangi : Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Muna Ruzana Wan Mohammad. (2009). *Trend Asimilasi Penggunaan Bahasa Melayu dan Nilai-Nilai Kemelayuan dalam Kalangan Masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka*. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Zahari. (1993). *Kajian Leksikal dan Semantik dalam Sajak-Sajak J.M. Aziz*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Wenni. Rusbiyantoro. (2011) Penggunaan Kata Sapaan Dalam Bahasa Melayu Kutai. *PAROLE: Journal of Linguistics and Education*, vol. 2, no. 1 April, pp. 59-76, Apr. 2011.
- Williams-Hunt, P. D. R. (1952). *An introduction to the Malayan aborigines*. Kuala Lumpur: The Government Press.
- York, R. O. (1998). *Conducting Social Work Research: An Experiential Approach*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zaharani Ahmad. (1989). Dialektologi Generatif Dan Kepelbagaian Dialek Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(6), 402-414.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian Dialek Melayu Dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-Bangi*, 1(1).1-26.
- Zaharani Ahmad. (2009). *Pemeriksaan dan Pembinaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing*. Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-V, hlm. 446–54. Universiti Putra Malaysia.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi, Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Universiti Kebangsaan Malaysia: Jurnal Melayu*.
- Zainal Abidin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelstarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Kling. (1997). *Orang Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Zainal Kling.(2012). *Jati Diri Melayu dan Peradaban Dunia*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Dalam Kalangan Remaja Di Sekolah. *Jurnal Linguistik*. Jilid 16. 62-74.
- Zulkifley Ahmad. (2007). *Konsep Bahasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIODATA PELAJAR

Norajihah Binti Muda dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu. Menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Rengas Bekah Kuala Terengganu. Bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin pada tahun 2001-2005. Pada tahun 2006 hingga 2007, telah menyambung pendidikan di peringkat tingkatan 6 di sekolah menengah yang sama. Pada tahun 2009 telah berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Bachelor Sastera (Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu) di Universiti Putra Malaysia selama tiga tahun. Setelah tamat pengajian di peringkat bachelor, penulis telah berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu) di universiti yang sama. Pada tahun 2016, sekali lagi menyambung pengajian di Universiti Putra Malaysia dalam Ijazah Kedoktoran Bahasa Melayu.

SENARAI PENERBITAN

Muda, Norajihah; Zainon Hamzah, Zaitul Azma. (2021). Phonological and Lexical Aspects of the Language of the Che Wong Aboriginal People. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 69–100.

Muda, N., & Zainon Hamzah, Z. A. (2021). Leksikostatistik Bahasa Che Wong Dan Bahasa Melayu Melalui Aspek Perbandingan Kosa Kata. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 11-28.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGGUNAAN KATA PANGGILAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ORANG ASLI CHE WONG

NAMA PELAJAR : NORAJIHAH BINTI MUDA

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa
Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]